

Maksud

Rangkap 1	Penyajak membayangkan hanya dia seorang sahaja yang berada di _____ ini.
Rangkap 2	Penyajak berjalan menyusuri pantai sambil membayangkan dialah manusia _____ yang dicipta oleh Tuhan.
Rangkap 3	Penyajak juga membayangkan pada hari itulah dia diciptakan oleh Tuhan dan _____ kali dia melihat laut, langit, dan pokok.
Rangkap 4	Penyajak mengatakan bahawa kelmarin dia belum dilahirkan dan belum pernah mendengar bunyi _____.
Rangkap 5	Penyajak juga tidak pernah merasai tiupan _____.
Rangkap 6	Penyajak juga tidak tahu akan kewujudan _____ dan ru di pantai ini.
Rangkap 7	Penyajak mengakui kewujudan dan keesaan Tuhan sebagai _____.

Tema

Kecintaan kepada Maha Pencipta.

Persoalan

- Manusia pertama yang dicipta oleh Tuhan ialah Nabi Adam.
- Manusia menyelami alam ciptaan Tuhan.
- Manusia menghayati keindahan bunyi ombak yang memukul pantai.
- Manusia mengakui kewujudan Tuhan.

Gaya Bahasa

- Asonansi vokal *a*: *tidak ada manusia lain* (R1; B1)
- Aliterasi konsonan *s*: *kusur pasir panjang* (R2; B1)
- Kata ganda: *mana-mana* (R5; B3)
- Sinkope: *diriku* (R1; B3); *kusur* (R2; B1)
- Imej alam: _____
- _____: *Tidak ada manusia lain* (R1; B1)

Nada

Romantis

Bentuk

Bentuk	Bebas	Bilangan rangkap	
Bilangan baris	Tiga baris satu rangkap	Rima akhir	Rangkap 1: _____ Rangkap 2: <i>a, b, c</i> Rangkap 3: <i>a, b, c</i>
Bilangan kata	Satu hingga empat patah perkataan sebaris		Rangkap 4: _____ Rangkap 5: <i>a, b, c</i> Rangkap 6: <i>a, a, b</i> Rangkap 7: <i>a, b, b</i>
Bilangan suku kata	Dua hingga sepuluh suku kata sebaris		

Nilai dan Pengajaran

Kesyukuran

Kita haruslah bersyukur dengan segala _____ Tuhan.

Kepercayaan kepada Tuhan

Kita harus meyakini kewujudan Tuhan sebagai _____ alam.

Sayang akan alam sekitar

Kita haruslah insaf akan keesaan Tuhan dan mengenang jasa Tuhan yang membolehkan kita menikmati kehidupan di dunia.

Kita perlu memelihara dan memulihara _____.